AUTHOR: NORAWAZNI YUSOF KUANTAN SECTION: NASIONAL PAGE: 25 PRINTED SIZE: 320.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,784.00 ITEM ID: MY0056229984



31 OCT, 2023

## Tiada beras plastik di Pahang

Sinar Harian, Malaysia



# Tiada beras plastik di Pahang

Pemeriksaan di kilang beras mendapati tidak berlaku kejadian seperti yang didakwa

**Oleh NORAWAZNI YUSOF**
KUANTAN




Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Pahang mengesahkan tiada kewujudan beras plastik di pasaran tempatan di negeri ini.

Pengarahnya, Hamizan Musa berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan rasmi berhubung dakwaan terbabit.

"Sebenarnya beras plastik ini tidak wujud, cuma ada dakwaan dibuat sebelum ini, jadi kita lakukan pemeriksaan tidak mungkin beras plastik boleh bercampur dengan beras asli," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan sidang akhbar selepas selesai operasi yang dijalankan di sebuah kilang pemprosesan beras putih tempatan di Indera Mahkota pada Isnin.

Sebelum ini, tular konon terdapat beras plastik di pasaran Sandakan, Sabah namun lelaki tersebut telah tampil mohon maaf dan mengaku perkara itu tidak benar.

Dalam pada itu, operasi yang dijalankan membabitkan KPB, Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Mengulas lanjut, Hamizan berkata, operasi tersebut akan diadakan pada Isnin dan dijangka berakhir pada 3 November depan.

Sementara itu, pemeriksaan tersebut dibuat selepas mendapat aduan berkaitan dakwaan terdapat pengilang yang mencampurkan beras tempatan dengan beras import.



**Hamizan (kiri) menunjukkan sampel beras sebelum dibawa ke Mardi untuk dianalisis.**

"Kita mengambil sampel beras di kilang yang dilantik kementerian untuk dianalisis. Proses analisa itu akan dilakukan di makmal Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

"Untuk negeri Pahang kita akan melakukan operasi ke satu kilang dan empat pusat pengedaran beras putih tempatan," ujarnya.

Beliau menambah, keputusan analisis beas tersebut akan dimaklumkan kepada pengilang kelak.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: NORAWAZNI YUSOF KUANTAN SECTION: NASIONAL PAGE: 25 PRINTED SIZE: 320.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,784.00 ITEM ID: MY0056229984



31 OCT, 2023

# Tiada beras plastik di Pahang

Sinar Harian, Malaysia



## SUMMARIES

Pemeriksaan di kilang beras mendapati tidak berlaku kejadian seperti yang didakwa

Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Pahang mengesahkan tiada kewujudan beras plastik di pasaran tempatan di negeri ini.Pengarahnya, Hamizan Musa berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan rasmi berhubung dakwaan terbabit.“Sebenarnya beras plastik ini tidak wujud, cuma ada dakwaan dibuat sebelum ini, jadi kita lakukan pemeriksaan tidak mungkin beras plastik boleh bercampur dengan beras asli,” katanya.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.